

# Enam inisiatif bantu ekonomi belia Felda

BH - 12/12/2006

## Pinjaman tanpa faedah antara program galak usahawan

Oleh Azman Zakaria

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak semalam mengumumkan enam program, termasuk Skim Insentif Usahawan Felda (SIUF) berupa pinjaman tanpa faedah dan tanpa cagaran bagi melaksanakan projek ekonomi untuk belia Felda.

Timbalan Perdana Menteri berkata, enam inisiatif itu dilaksanakan bagi membawa transformasi di kalangan belia Felda seluruh negara sejajar usaha membawa mereka menyertai arus perdana pembangunan sosioekonomi Malaysia.

Katanya, enam program itu akan dijalankan secara berterusan dengan penambahbaikan dari semasa ke semasa manakala peruntukan yang disediakan untuknya akan ditambah mengikut permintaan.

"Ia tidak berdasarkan hanya kepada penyelesaian masalah tetapi berpaksi untuk mencapai lima misi utama yang digariskan Felda," katanya pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen dan Anugerah Belia Felda Malaysia 2006 di sini, semalam.

Pada majlis itu, Najib menyampaikan anugerah kepada 12 pemenang dengan kategori anugerah Persatuan Belia Cemerlang Felda Malaysia yang membawa hadiah wang tunai RM7,000 dan bantuan aktiviti bernilai RM6,000 serta piala Timbalan Perdana Menteri dimenangi Persatuan Belia Sejati Felda Bukit Besar, Kota Tinggi, Johor.

Ketika ditanya sama ada program itu bertujuan mengatasi masalah penagihan dadah di Felda, beliau berkata, bilangan penagih dadah di Felda tidak melebihi jumlah penagih dari tempat lain.

Malah katanya, ada rancangan Felda yang sudah bebas daripada ancaman dadah seperti Felda Chini 3 yang memenangi satu daripada anugerah kerana sudah disahkan bebas daripada ancaman dadah.

"Kita akan usahakan perkara ini supaya dapat membantukan masalah dadah dan gejala sosial dalam rancangan Felda," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya Najib berkata, usahawan belia, anak dan

**“Enam program itu akan dijalankan secara berterusan dengan penambahbaikan dari semasa ke semasa manakala peruntukan yang disediakan untuknya”**

**Najib Razak**  
Timbalan Perdana Menteri

cucu peneroka akan diberi perhatian khas untuk kelulusan bantuan sebanyak RM41.5 juta daripada RM100 juta yang diperuntukkan untuk SIUF.

Sehingga ini, seramai 3,926 pengusaha daripada kalangan peneroka pula sudah menerima RM58.5 juta daripada SIUF.

Beliau berkata, peluang kedua perlu diberi kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang tidak berjaya ke institusi pengajian tinggi awam dan swasta, dengan peruntukan bagi mengadakan kursus dan latihan kemahiran ditambah kepada RM50 juta tahun ini daripada RM25 juta tahun lalu, untuk melatih 7,000 belia.

Katanya, 11,115 orang belia sudah dan sedang mengikuti pelbagai program kursus kemahiran sederhana se-

hingga kursus tinggi Lesen Kejuruteraan Penyelenggaraan Pesawat dengan Akademi Penerbangan Malaysia (MAS).

Beliau berkata, pembinaan rumah kos rendah dan sederhana yang boleh diubah suai kemudian, sudah dimulakan antaranya 477 unit di Felda Bukit Goh, Mempaga (208) dan Lebar hilir (250) yang sudah siap sepenuhnya.

Katanya, Felda juga akan membentuk pasukan bola sepak Felda United dengan peruntukan RM2 juta untuk menyertai Liga Bola Sepak anjuran Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) akhir tahun ini dan Sukan Malaysia (Sukma).

Beliau berkata, pasukan awal sudah dibentuk dan mereka dijadual mengadakan perlawanan dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) tidak lama lagi selain mewujudkan kelab peminat.